



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA, DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

MAJLIS PENUTUPAN RASMI SEMINAR SERANTAU SEMPENA
SAMBUTAN JUBLI EMAS NEGARA BRUNEI 1959

ANJURAN
PERSATUAN SEJARAH BRUNEI (PESEBAR)

HARI AHAD, 17REJAB 1432 BERSAMAAN 19 JUN 2011
JAM 10.00PAGI

BERTEMPAT
DEWAN KULIAH, BANGUNAN *THE CORE*
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala Assyrafil Mursalin
Wa'ala 'Alihi Wasahbihi Ajmain.

Yang Berhormat,

Yang Berhormat Pehin SiRaja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji
Yahya bin Awang Haji Ibrahim, Pengerusi Majlis, selaku Yang Di-Pertua PESEBAR.

Ahli-ahli jawatankuasa penganjur seminar, jemputan-jemputan khas, peserta
seminar, hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan
petunjuk dan hidayatNya jua maka Seminar Serantau Sempena Sambutan Jubli
Emas Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 yang dianjurkan oleh
Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) telah berakhir dengan jayanya.

Di kesempatan ini saya sukacita mengucapkan setinggi tahniah dan penghargaan
kepada Pengerusi dan ahli-ahli PESEBAR kerana telah dapat berjaya
menganjurkan Seminar Serantau Sempena Sambutan Jubli Emas Perlembagaan
Negeri Brunei 1959 dengan bertemakan **PERKEMBANGAN DAN
KECEMERLANGAN 50 TAHUN PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM.**

Usaha yang di laksanakan ini adalah satu usaha yang sangat signifikan dan besar ertinya untuk kepentingan Negara rakyat dan penduduk Negara ini dalam sama-sama menanai tugas dan tanggungjawab untuk menanam dan menyemaikan nilai-nilai sejarah yang murni bagi untuk kelangsungan ketamadunan Negara bangsa Brunei Darussalam.

Rakyat dan penduduk khususnya generasi muda perlu mempunyai kesedaran dan menghargai akan pentingnya Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dalam konteks kelangsungan bangsa, bernegara dan berkerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Begitu juga dalam menghadapi arus globalisasi yang berlatarbelakangkan konsep dunia tanpa sempadan, jangan sampai generasi muda alpa dan lalai akan keujudan malah mengenepikan kepentingan perlembagaan sebagai landasan kekuatan dan kesinambungan keujudan bangsa Brunei dan menjadi sumbar utama aturan didalam pemerintahan dan pentadbiran kerajaan.

Sehubungan dengan ini, adalah menjadi satu kemestian bagi rakyat dan penduduk di Negara ini, terutamanya generasi muda yang merupakan sebagai generasi pewaris untuk difahamkan dan mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai dengan sejarah penggubalan, isi kandungan, hasrat dan matlamat dan pindaan pindaan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959.

Perlembagaan adalah merupakan undang undang tertinggi Negara yang mengandungi peraturan serta prinsip sebagai asas kepada penentuan corak dan kuasa pemerintahan Negara. Perlembagaan merupakan asas kepada pemerintah menjalankan kuasa mentadbir Negara dan panduan kepada jentera pentadbiran kerajaan.

Dalam waktu yang sama, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 adalah landasan pada mengukuhkan dan memberikan pengiktirafan Konsep Melayu Islam Beraja, kerana peruntukan di dalamnya terkandung ketentuan mengenai dengan kedudukan kuasa memerintah Raja, Ugama Islam, Bahasa Melayu, Bangsa Melayu dan Adat Istiadat. Sekali gus Perlembagaan Negara Brunei Darussalam adalah merupakan sebagai kontrak sosial diantara pemerintah dengan rakyat dan rakyat dengan pemerintah yang perlu disanjung tinggi, hormati dan pertahankan. Peraturan peraturan yang terkandung didalam perlembagaan akan menjamin perlindungan keatas seluruh rakyat dan keharmonian sosial di Negara Brunei Darussalam.

Dengan lain perkataan, konsep Melayu Islam Beraja yang terkandung dan tersurat didalam peruntukan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 yang diperjuangkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah menjadi asas dan tunggak bagi kewujudan dan keutuhan pemerintahan bersultan di Negara ini yang menjadikan KDYMM

Sultan sebagai pemerintah dan pemegang kuasa eksekutif yang tertinggi, Ugama Islam menjadi Agama rasmi Negara, kedaulatan Bangsa Melayu, dan Adat Istiadat Melayu menjadi identiti bangsa Melayu Brunei yang semuanya diperjelaskan dalam Perlembagaan Negeri Brunei Darussalam 1959.

Melihat akan pentingnya peranan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Tahun 1959 pada menentukan arah tuju pembangunan, kemajuan dan kecemerlangan bangsa dan Negara, maka sejarah perjuangan penggubalan dan liku liku perkembangan Perlembagaan tahun 1959 yang di terajui oleh Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'dul Khairi Waddien perlu dititi, dirungkaikan dan dihuraikan dengan penganalisaan sejarah yang mendalam supaya ianya di hargai dan hayati oleh generasi masa kini dan sentiasa relevan sebagai landasan kepada pembangunan, keharmonian, kestabilan dan keselamatan bangsa dan Negara dalam apa jua situasi dan zaman.

Sebagaimana yang pernah di titahkan oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam bahawa sejarah itu adalah guru sebagai panduan manusia bagi meneruskan pembinaan negara bangsa khususnya dalam usaha kita sama-sama memelihara kekayaan warisan sejarah negara ini supaya dapat terus dikekalkan dan dikukuhkan oleh rakyat dan penduduk Negara ini khususnya generasi muda yang bakal menjadi pewaris Negara bangsa Brunei di masa akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Semangat patriotisme perlu ditanamkan kedalam jiwa rakyat dan generasi muda negara ini. Kerana semangat itulah yang akan terus mengikat rakyat Brunei sebagai satu bangsa atas dasar cintakan raja, agama dan bangsa. Bagi memastikan semangat patriotisme ini bersemadi di hati dan jiwa rakyat negara ini, mereka perlu mempelajari sejarah negara, perjuangan dan pengorbanan membangunkan negara.

Maka disinilah pentingnya bagi sejarah itu perlu dimasyarkatkan melalui penyebaran dan pendekatan yang meluas agar masyarakat khususnya generasi muda di Negara Brunei Darussalam menjadi celik dan menghargai sejarah Negara dan bangsanya.

Agensi agensi dalam Kerajaan dan badan badan bukan kerajaan yang mempunyai kepentingan (stake holders) seperti Persatuan Sejarah Brunei perlu berkerjasama dan berganding bahu melalui penubuhan rakan strategik kearah menyebarkan dan menanamkan penghayatan sejarah kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam dengan mengungkayahkan berbagai kegiatan yang berkaitan dengan sejarah.

Buat mengakhiri ucapan ini sekali lagi Tahniah saya ucapkan kepada Persatuan Sejarah Brunei Darussalam (PESEBAR). Semoga usaha yang berkebajikan ini pada menegakkan satu Negara dan bangsa bersandarkan ajaran dan jalan yang telah diredhai oleh Allah Subahanahu Wa'Ta'ala.

Maka dengan melafazkan kalimah **Bismillahir Rahmannir Rahmin** saya sukacita menutup Seminar Serantau Sempena Sambutan Jubli Emas Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Anjuran Persatuan Sejarah Brunei PESEBAR.

Sekian.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullhi Wabarakatuh.